



Buletin

Jamadilakhir 1447H/Disember 2025

ACIS

Raja-Raja Melayu Benteng Agama dan Institusi Fatwa di Malaysia

eISSN 2600-8289



9 77 2600 828001

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Madya Ts. Dr. Noorlis Ahmad

Penasihat:

Nasif Sidquee Pauzi (Ketua Pusat Pengajian ACIS)

Editor:

Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah

Nasif Sidquee Pauzi

Dr Mohamad Redha bin Mohamad

Sidang Pengarang:

Dr. Hj. Mohd. Kamel bin Mat Salleh

Siti Nur Husna binti Abd Rahman

Dr Rafidah binti Mohd Azli

Dr Nursafra binti Mohd Zhaffar

Mohd Islah bin Mohd Yusof

Dr Husnul Rita binti Aris

Hisam bin Satari

Nik Mahfuzah binti Nik Mat

Mashitah binti Nordin

Norshida binti Hashim

Syahirah binti Almuiddin

Penerbit:

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban

Persiaran Seremban Tiga/1 70300 Seremban 3,

Negeri Sembilan

Keterangan:

Pengarang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap artikel yang dihantar dari segi ketepatan fakta dan bebas daripada unsur plagiat, terjemahan atau penyiaran di mana-mana penerbitan. Artikel menjadi milik ACIS UiTM Negeri Sembilan untuk disunting, dicetak dan diterbitkan.

Berminat untuk menerbitkan artikel akademik atau kreatif?

Hantarkan ke

buletinacisnsdk@gmail.com

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada pembaca budiman sekalian, Alhamdulillah **Buletin ACIS siri ke-84** pada bulan Disember 2025 yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Perkongsian utama bulan ini “**Raja-Raja Melayu Benteng Agama dan Institusi Fatwa di Malaysia**”. Selain itu, bermula Jan 2025 telah memperkenalkan satu ruangan baharu yang dinamakan **Serambi Wahyu** serta terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga Buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

Raja-Raja Melayu Benteng Agama dan Institusi Fatwa di Malaysia **3**

Bila Cuti Jadi Ibadah: Menyelami Konsep Hotel Patuh Syariah **5**

Puisi: Sayangi Ilmu **7**

Cabaran dan Strategi Guru dalam Pembelajaran Berasaskan Projek **8**

Status Kerjaya: Sepenuh Masa, Separuh Masa, Kontrak, Harian, Separuh Masa Sepenuh Masa, Bersara - Antara Tersurat dan Tersirat **10**

Analisis Keberkesanan Aktiviti Khat, Kuiz, Ejaan, Video, Webinar dan *Arabic Tongue Twister* Terhadap Pencapaian Kursus TAC401, TAC451 dan TAC501 **12**

eISSN 2600-8289



HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini
diterbitkan secara bulanan



<https://www.facebook.com/ACISUiTMCNS/>

Raja-Raja Melayu Benteng Agama dan Institusi Fatwa di Malaysia



Oleh:

Dr. Hj. Mohd Kamel bin Mat Salleh

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Sebelum kedatangan penjajah Inggeris ke Tanah Melayu, kedudukan Sultan dan Raja-Raja Melayu sebagai pengawal institusi agama dan fatwa adalah satu fakta yang tidak boleh dipertikai. Jawatan penasihat agama atau penasihat sultan telah lama diwujudkan bagi menasihati Raja-raja Melayu dalam hal membabitkan undang-undang Islam atau undang-undang syarak. Institusi Raja yang bertanggungjawab dalam urusan agama Islam telah menubuhkan pelbagai jawatan pelaksana untuk membantu sultan melaksanakan undang-undang Islam, seperti mufti, kadi, imam, khatib, Shaykh al-Islam, Shaykh al-Ulama', dan Qadi Malik al-Adil.

Semua jawatan yang diwujudkan ini berkait antara satu sama lain dalam pelaksanaan Syariah yang melibatkan tugas-tugas menguatkuasakan hukum syarak, memberikan kefahaman terhadap hukum Islam, mengeluarkan fatwa, menjalankan tugas-tugas keadilan, mengetuai upacara rasmi negara dan menangani pelbagai persoalan yang berlaku dalam negeri.

Walaupun berlakunya penjajahan oleh pihak British sehinggalah ke tarikh kemerdekaan Tanah Melayu, peranan penasihat agama ini tidak pernah ditekankan, lantaran antara kuasa Raja-Raja Melayu ialah menjaga agama. Pembentukan Perlembagaan itu sendiri menjelaskan kepentingan dan kedudukan Islam sebagai agama bagi Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan mengenai kedudukan Islam seperti dalam Perkara 3, 11, 12(2) dan 150(6A). Peruntukan-peruntukan ini boleh mendatangkan kesan sama ada secara langsung atau sebaliknya terhadap pelaksanaan Islam.

Dalam Jadual Keempat Perkara 37 Perlembagaan Persekutuan ada memperuntukan berkenaan dengan sumpah Yang di-Pertuan Agong semasa hari pertabalannya untuk menjaga dan mempertahankan kedaulatan agama. Antara lain baginda melafazkan: "...dan lagi Kami berikrar mengaku dengan sesungguhnya dan dengan sebenarnya memelihara pada setiap masa Agama Islam dan berdiri tetap di atas pemerintahan yang adil dan aman di dalam negeri..."

Peruntukan ini boleh membawa maksud dan tafsiran menjaga, memelihara dan melindungi institusi Islam. Ia menunjukkan bahawa baginda mempunyai peranan dan tanggung jawab memastikan kedudukan Islam dipelihara dan tidak tercemar. Ia memberi maksud juga bahawa institusi agama sememangnya dilindungi oleh Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu. Kewujudan institusi

fatwa sendiri sebagai contoh adalah untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja Melayu berkaitan agama Islam. Ini satu pengisytiharan jelas Yang di-Pertuan Agong dalam menggalas tanggungjawabnya mempertahankan dan memartabatkan Islam sebagai Agama Persekutuan. Jelas daripada pengakuan ini Yang di-Pertuan Agong adalah benteng menjaga institusi agama termasuk fatwa dari diganggu gugat anasir yang boleh menjatuhkannya.

Perkara 38 Perlembagaan juga terdapat peruntukan berkaitan penubuhan Majlis Raja-Raja antara lain tugas-tugasnya ialah: (b) mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara ugama meliputi seluruh Persekutuan; dan (c) mempersetujui atau tidak mempersetujui apa-apa undang-undang dan membuat atau memberi nasihat mengenai apa-apa perlantikan, yang menurut Perlembagaan ini, memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja atau yang dikehendaki dibuat oleh atau selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Apakah perkaitan di antara Majlis Raja-Raja dengan institusi fatwa sebagai satu badan yang berpelembagaan dan dilindungi undang-undang? Pada 17 Oktober 1968, Persidangan Majlis Raja-Raja Malaysia Kali ke 81 telah bersetuju bahawa satu badan penyelaras urusan berkaitan hal ehwal Islam di Malaysia perlu diwujudkan. Ini membawa kepada tertubuhnya secara rasmi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) pada 1 Julai 1969.

Tugas-tugas MKI ialah :

1. Membincang, menimbang dan menguruskan apa-apa perkara yang dirujuk kepada Majlis oleh Majlis Raja-Raja, mana-mana Kerajaan Negeri atau majlis Ugama Islam Negeri atau seseorang ahli Majlis, dengan tujuan hendak memberi nasihat atau pengesyoran;
2. Memberi nasihat kepada Majlis Raja-Raja, Kerajaan Negeri dan Majlis Ugama Islam Negeri atas apa-apa perkara berkenaan dengan perundangan atau pentadbiran Ugama Islam dan pelajaran Ugama Islam, dengan tujuan hendak memperbaiki, menyamakan atau menggalak persamaan undang-undang atau pentadbiran.

Peruntukan berkaitan Majlis Raja-Raja ini memberi maksud dan pengiktirafan bahawa kedudukan, hak, keistimewaan, kedaulatan dan kuasa-kuasa lain tidak boleh menandingi kedudukan Raja sebagai ketua agama Islam bagi negeri masing-masing. Serentak dengan itu, urusetia kepada Majlis telah diwujudkan, bermula sebagai Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri sehingga dikenali sekarang sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Perkaitan rapat di antara institusi fatwa, MKI dan Majlis Raja-Raja dapat diperhalus melalui Peraturan 11 MKI yang memberi kuasa kepada MKI bagi penubuhan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia

(Jawatankuasa Fatwa MKI). Inilah punca kuasa yang menjadikan fatwa, mufti dan institusinya adalah berperlembagaan dan sah di sisi undang-undang negara.

Berdasarkan semua peruntukan Perlembagaan seperti yang telah dinyatakan di atas, Jawatankuasa Fatwa sama ada di peringkat Kebangsaan mahupun Negeri ditubuhkan bertujuan untuk memberi pemahaman hukum syarak yang tepat kepada masyarakat. Bermula dari kewujudannya dalam bentuk yang formal di negeri Tanah Melayu sebelum kedatangan British, diperkemaskan kemudiannya dari semasa ke semasa sehingga sekarang dengan beberapa penambahbaikan bagi memastikan fatwa dan institusinya tetap relevan dan berautoriti serta diterima sebagai sumber hukum yang mampu menyelesaikan pelbagai permasalahan umat Islam. Ini menguatkan fakta bahawa institusi fatwa dan mufti adalah rujukan tertinggi dalam menyelesaikan pertikaian tentang sesuatu hukum syarak. Jelas menunjukkan bahawa fatwa mempunyai kedudukan istimewa dalam Perlembagaan biarpun tidak dinyatakan secara jelas perkataannya di mana-mana peruntukan. Pandangan ini adalah satu hujah konkrit bagi menolak pihak yang mungkin mendakwa dan beranggapan bahawa institusi fatwa tidak berperlembagaan dan tidak mempunyai kuasa undang-undang.

Dalam konteks konsep dan penggunaan fatwa di Malaysia, ia merujuk kepada undang-undang yang terpakai melalui Akta, Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-Negeri. Istilah fatwa merujuk kepada keputusan hukum yang diwartakan setelah melalui beberapa prosedur yang ketat dan bermula dari aktiviti penyelidikan oleh Jawatankuasa Syariah Negeri yang akan mengarang kertas kerja berkaitan fatwa yang mahu dikeluarkan. Setelah isu tersebut dibincangkan dan dipersetujui di peringkat Jawatankuasa Syariah untuk dikeluarkan sebagai fatwa, Urusetia Jawatankuasa akan mengarang sighth atau teks fatwa untuk dibentangkan di hadapan Penasihat Undang-Undang Negeri. Seterusnya, ia mesti mendapat kelulusan dan pengesahan Ahli Mesyuarat Negeri dan Penasihat Undang-Undang. Sultan atau Raja Negeri mesti memberi perkenan untuk diwartakan dalam warta kerajaan. Fatwa yang diwartakan akan menjadi undang-undang, mengikat orang-orang Islam dalam negeri yang mewartakannya dan berkuatkuasa dalam negeri tersebut. Sebarang tindakan yang bertentangan dengan fatwa tersebut boleh dikenakan tindakan perundangan atas kesalahan melanggar fatwa.

Secara umumnya, prosedur atau tatacara pengeluaran fatwa yang dianggap sebagai fatwa rasmi dan diwartakan ini dilihat sama dan selaras bagi semua Negeri di Malaysia yang menetapkan bahawa fatwa yang hendak dikeluarkan itu mestilah :

1. Atas titah Yang di-Pertuan Agong / Duli Yang Maha Mulia Sultan;
2. Kehendak sendiri mufti dan Jawatankuasa Fatwa Negeri;
3. Permintaan mana-mana orang yang dibuat secara bertulis kepada Mufti atau Jawatankuasa Fatwa Negeri;
4. Diputuskan secara jamaie oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri untuk difatwa dan diwartakan;
5. Pemakluman kepada Majlis Agama Islam Negeri keputusan fatwa yang dipersetujui;
6. Urusetia Jawatankuasa Fatwa mengarang teks atau sighth fatwa untuk disemak dan disahkan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri;

7. Diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong / Duli Yang Maha Mulia Sultan / Majlis Agama Islam Negeri untuk fatwa itu diwartakan;
8. Disiarkan dalam Warta Negeri untuk menjadi fatwa yang muktamad;
9. Hebahan awam fatwa yang diwartakan (Akta, Enakmen, Ordinan Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri seluruh Malaysia).

Secara keseluruhannya, Raja-Raja Melayu merupakan institusi pelindung agama, hukum dan fatwa yang memastikan kesucian Islam terus terpelihara dalam sistem kenegaraan Malaysia. Mereka berfungsi sebagai payung kedaulatan Islam, menjamin keharmonian antara agama serta kestabilan politik dan sosial negara. Dari sudut kenegaraan dan kestabilan sosial, Raja-Raja Melayu menjadi payung kedaulatan Islam yang menjamin kesinambungan identiti dan nilai Islam dalam pentadbiran negara. Dalam masa yang sama, mereka juga berperanan memastikan keharmonian antara penganut pelbagai agama melalui pendekatan kepimpinan berteraskan keadilan, toleransi dan kebijaksanaan. Kedudukan Raja sebagai simbol perpaduan rakyat menjadikan institusi ini tonggak kestabilan politik dan sosial yang mengekalkan keharmonian antara agama serta memelihara keamanan negara.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa Raja-Raja Melayu bukan sahaja pelindung kepada kesucian agama Islam, malah menjadi institusi pengimbang antara hukum, fatwa dan realiti masyarakat moden. Peranan ini menjadikan mereka sebagai benteng utama dalam memastikan Islam terus terpelihara sebagai agama Persekutuan dan panduan dalam pembangunan negara bangsa Malaysia.

SERAMBI WAHYU

Mengajar Al-Quran Sebaik-Baik Pekerjaan

Kata Imam al-Qurtubi:

قال العلماء: تعليم القرآن أفضل الأعمال؛ لأن فيه إعانة على الدين، فهو كتلقين الكافر الشهادة يُسَلِّم.

"Berkata ulama: Mengajar al-Quran itu sebaik-baik pekerjaan, kerana dengan mengajar al-Quran, seseorang itu telah menolong agamanya, seperti orang yang mengajar orang kafir kalimah syahadah untuk memeluk Islam".

-Dr. Redha-

Bila Cuti Jadi Ibadah: Menyelami Konsep Hotel Patuh Syariah

Oleh:

**Siti Nur Husna Abd Rahman¹, Rafidah Mohd Azli²
Nursafra Mohd Zhaffar³**

¹Pensyarah, Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS),
UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

²Pensyarah Kanan, Akademik Pengajian Islam Kontemporari
(ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala
Pilah

³Pensyarah Kanan, Akademik Pengajian Islam Kontemporari
(ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Cuti sering dikaitkan dengan rehat dan hiburan, namun dalam Islam setiap aspek kehidupan termasuk berlibur juga tidak terpisah daripada nilai ibadah. Konsep Hotel Patuh Syariah lahir daripada kesedaran bahawa penginapan bukan sekadar soal keselesaan fizikal tetapi juga kesejahteraan rohani. Ia menawarkan ruang percutian yang selari dengan prinsip Syariah yang menyeimbangkan keperluan duniawi dan ukhrawi.

Dalam konteks industri hospitaliti moden, hotel patuh Syariah bukan hanya memenuhi keperluan segmen pelancong Muslim malah menjadi simbol integrasi antara nilai Islam dan profesionalisme perkhidmatan. Ia merangkumi aspek seperti penyediaan makanan halal yang disahkan, kemudahan solat yang sempurna, pengasingan ruang lelaki dan wanita serta dasar hiburan yang beretika. Lebih penting lagi, pengurusan dan operasi hotel turut berpaksikan kepada prinsip Maqasid Syariah yang menekankan pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Pelaksanaan konsep ini membawa implikasi yang luas terhadap pembangunan ekonomi Islam dan kesejahteraan masyarakat. Ia memperkuat kepercayaan pelanggan Muslim, menarik minat pelancong antarabangsa dan memartabatkan identiti Islam sebagai teras kualiti perkhidmatan. Apabila cuti disandarkan pada niat yang betul dan persekitaran yang patuh Syariah, rehat itu sendiri menjadi ibadah.

Sudah tiba masanya industri pelancongan Islam di Malaysia memperluas naratif hotel patuh Syariah bukan sekadar sebagai keperluan pasaran tetapi sebagai satu kewajipan moral dan tanggungjawab sosial. Menyelami konsep ini bukan sekadar memahami garis panduan halal dan haram tetapi menghidupkan semangat ihsan dengan menjadikan setiap layanan dan pengalaman penginapan sebagai manifestasi keindahan Islam dalam tindakan.

NILAI DAN PRINSIP SYARIAH

Asas utama kepada pelaksanaan konsep Hotel Patuh Syariah ialah kefahaman terhadap nilai dan prinsip Islam yang menekankan keseimbangan antara keperluan fizikal dan rohani. Setiap aspek perkhidmatan dilihat sebagai satu amanah dan ibadah yang perlu dilaksanakan dengan penuh integriti dan tanggungjawab. Prinsip ini bukan sekadar memastikan penginapan yang halal dari segi makanan dan kemudahan, tetapi meliputi seluruh ekosistem pengurusan dan operasi hotel yang berpaksikan kepada ajaran Islam.

Hotel patuh Syariah menzahirkan lima prinsip utama Maqasid Syariah iaitu pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Pemeliharaan agama dilihat melalui penyediaan kemudahan ibadah seperti ruang solat, arah kiblat dan waktu solat yang jelas. Pemeliharaan nyawa dan akal pula dizahirkan melalui suasana persekitaran yang bersih, selamat dan bebas daripada unsur maksiat. Pemeliharaan keturunan diurus melalui dasar privasi dan pengasingan ruang lelaki serta wanita, manakala pemeliharaan harta pula dicapai melalui pengurusan kewangan yang telus dan beretika.

Nilai-nilai ini menjadikan hotel patuh Syariah bukan sekadar tempat berehat tetapi wadah pendidikan rohani yang menyuburkan keimanan dan ketenangan jiwa. Apabila setiap tindakan dalam urusan perhotelan disandarkan kepada prinsip ihsan dan niat kerana Allah, maka seluruh pengalaman menginap di hotel menjadi ibadah yang bernilai di sisi-Nya.

ELEMEN OPERASI HOTEL PATUH SYARIAH

Pelaksanaan hotel patuh Syariah bukan hanya berlandaskan prinsip, tetapi turut diterjemahkan melalui sistem operasi yang menyeluruh. Setiap komponen dalam pengurusan dan perkhidmatan dirancang agar selari dengan kehendak Syariah serta memberikan ketenangan kepada pengunjung Muslim. Pengurusan hotel memainkan peranan penting untuk memastikan setiap polisi dan prosedur operasi selaras dengan nilai Islam serta memenuhi keperluan pelancong dari pelbagai latar belakang.

Antara elemen penting dalam pelaksanaan hotel patuh Syariah ialah penyediaan makanan dan minuman halal yang mendapat pengesahan daripada pihak berautoriti. Setiap bilik dilengkapi dengan arah kiblat, al-Quran, doa harian dan maklumat waktu solat bagi memudahkan urusan ibadah tetamu. Selain itu, kemudahan seperti ruang solat, tandas yang berasingan, serta kolam renang dan pusat kecergasan yang dipisahkan antara lelaki dan wanita turut menjadi ciri utama.

Dari segi pengurusan hiburan, hotel patuh Syariah menolak sebarang bentuk aktiviti yang melalaikan atau tidak

bermoral. Sebaliknya, ia digantikan dengan program santai yang mendidik jiwa seperti tayangan dokumentari Islamik, forum keagamaan atau aktiviti keluarga berunsurkan nilai moral. Tenaga kerja hotel juga memainkan peranan penting dalam memastikan imej Islam terpelihara melalui pakaian yang sopan, tutur kata yang berhemah dan layanan berasaskan prinsip ihsan.

Pelaksanaan menyeluruh ini menjadikan hotel patuh Syariah bukan sahaja tempat penginapan tetapi wadah dakwah yang memperlihatkan keindahan Islam melalui tindakan dan perkhidmatan. Ia menggabungkan profesionalisme, kesantunan dan spiritualiti dalam satu pengalaman penginapan yang berteraskan keberkatan.

IMPAK EKONOMI DAN SOSIAL

Kewujudan hotel patuh Syariah membawa impak besar bukan sahaja kepada sektor pelancongan, tetapi juga terhadap pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat Muslim. Dalam era globalisasi, permintaan terhadap penginapan yang mematuhi Syariah semakin meningkat seiring dengan kesedaran pengguna Muslim yang mahu menikmati percutian dalam suasana yang beretika dan diberkati. Hal ini mewujudkan peluang ekonomi baharu dalam pasaran pelancongan Islam yang kini menjadi antara segmen paling pesat berkembang di dunia.

Dari sudut ekonomi, hotel patuh Syariah berpotensi menjadi pemangkin kepada industri halal negara. Ia membuka ruang kepada peluang pelaburan yang luas, meningkatkan hasil pendapatan sektor pelancongan dan menambah baik kualiti tenaga kerja dalam bidang hospitaliti Islam. Di samping itu, ia turut menyumbang kepada kebolehpasaran graduan dalam bidang pelancongan, perhotelan dan pengurusan Islam apabila mereka dilatih dengan pengetahuan serta kemahiran berasaskan Syariah.

Dari sudut sosial pula, pelaksanaan hotel patuh Syariah membantu membentuk masyarakat yang lebih berdisiplin, berakhlak dan prihatin terhadap nilai Islam dalam kehidupan seharian. Ia memberi kesedaran bahawa percutian bukan alasan untuk melupakan tanggungjawab sebagai Muslim, malah menjadi peluang untuk memperkukuh keimanan dan ukhawah. Kesan ini bukan sahaja dirasai oleh pengunjung Muslim, tetapi turut menarik minat pelancong bukan Islam yang ingin mengenali keindahan Islam melalui amalan sebenar dalam kehidupan moden.

Melalui sinergi antara nilai agama, pembangunan ekonomi dan tanggungjawab sosial, hotel patuh Syariah dapat berfungsi sebagai model kesejahteraan holistik yang bukan sahaja menguntungkan tetapi juga mendidik dan memanusiakan industri pelancongan.

CABARAN DAN KEPERLUAN SEMASA

Walaupun konsep hotel patuh Syariah semakin diterima dan mendapat tempat dalam kalangan masyarakat, pelaksanaannya masih berdepan pelbagai cabaran yang perlu ditangani secara holistik. Antara cabaran utama ialah kekurangan standard pelaksanaan yang seragam di peringkat nasional. Sebahagian hotel menggunakan label patuh Syariah sekadar strategi pemasaran tanpa pematuhan sepenuhnya terhadap prinsip dan garis panduan Islam. Hal ini boleh menjejaskan kepercayaan pengguna serta menimbulkan kekeliruan terhadap makna sebenar kepatuhan Syariah dalam konteks perhotelan.

Selain itu, kekangan dari segi sumber manusia dan kepakaran juga menjadi isu penting. Tidak semua pengurus

dan pekerja hotel dilatih dengan kefahaman menyeluruh tentang prinsip Maqasid Syariah dan etika Islam dalam perkhidmatan. Maka, latihan profesional dalam bidang hospitaliti Islam perlu diperluas melalui institusi pendidikan dan kolaborasi dengan agensi berkaitan supaya tenaga kerja yang dilahirkan benar-benar memahami dan mengamalkan nilai Islam dalam urusan kerja.

Dari segi infrastruktur pula, tidak semua hotel mempunyai kemudahan fizikal yang memadai untuk memenuhi keperluan tetamu Muslim, terutamanya dalam aspek pengasingan ruang dan penyediaan fasiliti ibadah yang lengkap. Cabaran ini memerlukan komitmen berterusan daripada pihak pengurusan dan kerajaan untuk mewujudkan dasar, insentif serta pengiktirafan yang mendorong pembangunan hotel berteraskan Syariah secara menyeluruh.

Kesedaran dalam kalangan masyarakat Muslim sendiri turut memainkan peranan penting. Ramai pengguna masih belum menjadikan pemilihan hotel patuh Syariah sebagai keutamaan semasa bercuti. Oleh itu, kempen kesedaran dan pendidikan berterusan amat penting bagi menanam kefahaman bahawa memilih hotel patuh Syariah bukan sekadar pilihan gaya hidup tetapi satu tanggungjawab keagamaan dan sosial.

SERUAN DAN KESIMPULAN

Hotel patuh Syariah bukan sekadar satu konsep perniagaan tetapi merupakan manifestasi keindahan Islam dalam dunia hospitaliti moden. Ia menggabungkan nilai spiritual, etika perkhidmatan dan profesionalisme dalam satu pengalaman penginapan yang memberi ketenangan serta keberkatan. Pelaksanaannya mencerminkan keseimbangan antara tuntutan duniawi dan ukhrawi, menjadikan setiap detik percutian bukan hanya untuk berehat tetapi juga untuk mendekatkan diri kepada Allah.

Industri pelancongan Islam di Malaysia berpotensi besar menjadi peneraju utama di peringkat antarabangsa melalui pelaksanaan hotel patuh Syariah yang komprehensif. Namun kejayaan ini memerlukan sokongan pelbagai pihak termasuk kerajaan, institusi pendidikan, penggiat industri serta pengguna sendiri. Semua pihak perlu memainkan peranan dalam membina ekosistem pelancongan Islam yang benar-benar berasaskan nilai Maqasid Syariah.

Akhirnya konsep hotel patuh Syariah mengingatkan kita bahawa Islam bukan hanya terletak pada ritual ibadah tetapi turut mencakupi aspek kehidupan seharian termasuk cara kita berehat, menikmati percutian dan berinteraksi dengan alam serta manusia. Apabila cuti diisi dengan niat yang benar, persekitaran yang beretika dan suasana yang diberkati maka rehat itu sendiri menjadi ibadah. Inilah erti sebenar kesejahteraan yang dicari iaitu keseimbangan antara jasmani, rohani dan spiritual dalam setiap langkah kehidupan seorang Muslim.

Puisi: Sayangi Ilmu



Oleh:

Siti Nur Husna Abd Rahman

Pensyarah Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan
Negeri Sembilan, Kampus Rembau

Ilmu ibarat permata berharga,
Makin digilap makin bercahaya,
Siapa memilikinya akan mulia,
Menjadi panduan sepanjang masa.

Sayangi ilmu, jangan disia,
Kerana ia bekal selamanya,
Harta dunia boleh binasa,
Namun ilmu kekal bernilai sentiasa.

Tuntutlah ilmu dengan rendah hati,
Jadikan ia teman sejati,
Ilmu membimbing jalan berduri,
Mendekatkan kita pada Ilahi.

Sayangi ilmu dengan tekun belajar,
Jangan jemu jangan gentar,
Ilmu cahaya, penunjuk arah,
Membawa insan ke jalan yang indah.

Cabaran dan Strategi Guru dalam Pembelajaran Berasaskan Projek



Oleh:

Dr Husnul Rita Binti Aris

Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban

Pengenalan

Pembelajaran berasaskan projek (Project-Based Learning, PBL) ialah satu pendekatan pedagogi yang menekankan penerokaan mendalam terhadap sesuatu isu atau masalah melalui pelaksanaan projek. Berbeza dengan kaedah tradisional yang berorientasikan hafalan dan peperiksaan, PBL memberi peluang kepada pelajar untuk membina pengetahuan secara kolaboratif, mengaplikasi teori dalam situasi sebenar, dan mengembangkan kemahiran insaniah seperti komunikasi, kerjasama, dan penyelesaian masalah (Blumenfeld et al., 1991).

Dalam konteks pendidikan abad ke-21, PBL dilihat selari dengan aspirasi kurikulum moden yang menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar dan integrasi kemahiran teknologi maklumat. Namun begitu, pelaksanaan PBL tidak terlepas daripada cabaran yang pelbagai, terutamanya kepada guru sebagai fasilitator utama. Oleh itu, artikel ini akan menghuraikan cabaran yang dihadapi guru serta strategi yang boleh digunakan untuk memastikan keberkesanan PBL dalam bilik darjah.

Cabaran Guru dalam Pelaksanaan PBL

1. Kekangan Masa dan Perancangan

Salah satu cabaran utama ialah isu masa. Projek memerlukan tempoh pelaksanaan yang panjang, bermula dari perancangan, pelaksanaan, pemantauan, hingga penilaian. Guru sering mendapati jadual pengajaran yang padat menyukarkan mereka untuk memberi ruang secukupnya kepada aktiviti projek (Zhou, 2020). Tambahan pula, tekanan untuk menyiapkan sukatan pelajaran mengurangkan fleksibiliti guru dalam melaksanakan PBL secara menyeluruh.

2. Pengurusan Kelas

PBL melibatkan pembelajaran berasaskan kumpulan, yang menuntut pengurusan kelas yang baik. Tidak semua pelajar memberi komitmen sama; ada yang cenderung menjadi pasif atau bergantung pada rakan kumpulan yang lebih aktif (Siew & Ambo, 2018). Hal ini boleh menimbulkan konflik kumpulan, jurang pencapaian, dan menjejaskan hasil pembelajaran.

3. Penilaian Pembelajaran

Sistem penilaian tradisional lebih menekankan aspek kognitif seperti ujian bertulis dan hafalan fakta. Namun, PBL menghasilkan pembelajaran berbentuk kemahiran praktikal, kreativiti, dan pemikiran kritis yang sukar diukur dengan cara konvensional. Guru menghadapi kesukaran menyediakan rubrik yang sesuai dan objektif (Liu, 2022).

4. Kekangan Sumber dan Infrastruktur

Pelaksanaan PBL menuntut kemudahan yang memadai, termasuk ruang kerja, akses kepada teknologi, bahan projek, dan sokongan kewangan. Di kawasan luar bandar, kekurangan sumber ini menimbulkan halangan besar (Erdogan & Bozeman, 2019).

5. Kompetensi dan Keyakinan Guru

Ramai guru masih kurang pendedahan dalam pendekatan PBL. Ada yang lebih selesa menggunakan kaedah tradisional kerana kurang latihan profesional atau tidak yakin mengendalikan pembelajaran terbuka (Han, 2020). Hal ini menjejaskan keberkesanan PBL sebagai kaedah inovatif.

Strategi Guru Menghadapi Cabaran PBL

1. Latihan Profesional dan Kolaborasi

Guru memerlukan latihan berterusan untuk memahami konsep PBL, merancang projek yang sesuai, dan menilai hasil dengan efektif. Kajian menunjukkan program seperti "lesson study" membantu guru berkongsi pengalaman dan amalan terbaik sesama rakan sekerja (Han, 2020).

2. Perancangan Bertahap

Projek yang besar boleh dipecahkan kepada tugas kecil dengan tarikh akhir yang jelas. Strategi ini bukan sahaja memudahkan pemantauan, malah mengurangkan beban guru dan pelajar (Thomas, 2000). Integrasi projek dengan pelbagai subjek juga menjadikan aktiviti lebih relevan dengan kurikulum.

3. Integrasi Teknologi

Penggunaan alat digital seperti Google Classroom, Padlet, dan Trello memudahkan komunikasi, pengurusan tugas, dan penilaian formatif. Kajian menunjukkan teknologi meningkatkan keberkesanan PBL, khususnya dalam bidang STEM (Chen, 2021).

4. Penilaian Autentik

Guru boleh menggunakan rubrik yang menilai pelbagai dimensi pembelajaran, termasuk kreativiti, kolaborasi, penyelesaian masalah, dan kemahiran komunikasi. Penilaian formatif melalui refleksi sendiri, log harian, dan penilaian rakan sebaya juga meningkatkan ketelusan (Liu, 2022).

5. Pelibatan Komuniti dan Dunia Sebenar

Mengaitkan projek dengan masalah sebenar dalam komuniti memberi makna lebih mendalam kepada pelajar. Kolaborasi dengan pihak luar seperti industri atau organisasi sosial juga menambah nilai dan relevansi projek (Guo, Saab, Post, & Admiraal, 2020).

6. Pembelajaran Berpusatkan Pelajar

Guru boleh memberi kebebasan kepada pelajar untuk memilih projek yang berkaitan dengan minat atau kehidupan mereka. Hal ini meningkatkan motivasi intrinsik dan menjadikan PBL lebih berkesan (Blumenfeld et al., 1991).

Kesimpulan

Secara keseluruhan, walaupun PBL menawarkan banyak manfaat dalam meningkatkan kemahiran abad ke-21, pelaksanaannya masih berdepan cabaran besar terutama dari segi masa, pengurusan kelas, penilaian, kekangan sumber, dan kompetensi guru. Namun, dengan strategi yang tepat seperti latihan profesional, penggunaan teknologi, perancangan berstruktur, dan penilaian autentik, guru dapat melaksanakan PBL dengan lebih berkesan.

Kajian lepas menunjukkan bahawa PBL bukan sekadar meningkatkan pencapaian akademik, tetapi juga membina kemahiran insaniah yang diperlukan dalam dunia pekerjaan masa kini (Kokotsaki, Menzies, & Wiggins, 2016). Oleh itu, guru perlu diberi sokongan, latihan, dan sumber yang mencukupi untuk memastikan keberhasilan pelaksanaan PBL dalam sistem pendidikan.

Rujukan

- Blumenfeld, P. C., Soloway, E., Marx, R. W., Krajcik, J. S., Guzdial, M., & Palincsar, A. (1991). Motivating project-based learning: Sustaining the doing, supporting the learning. *Educational Psychologist*, 26(3–4), 369–398. <https://doi.org/10.1080/00461520.1991.9653139>
- Chen, Y. (2021). Technology-enhanced project-based learning in STEM: A review of literature. *Journal of Science Education and Technology*, 30(3), 341–356. <https://doi.org/10.1007/s10956-020-09878-2>
- Erdogan, I., & Bozeman, T. (2019). Models of project-based learning implementation in science education. *International Journal of Education in Mathematics, Science and Technology*, 7(1), 20–34. <https://doi.org/10.18404/ijemst.328629>

Status Kerjaya: Sepenuh Masa✔, Separuh Masa✔, Kontrak✔, Harian✔, Separuh Masa Sepenuh Masa✔, Bersara□- Antara Tersurat dan Tersirat



Oleh:

Hisam bin Satari

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

Hakikat bersara atau pencen secara tersurat ialah situasi berhenti daripada pekerjaan atau tugas tetap, terutamanya setelah mencapai umur persaraan yang ditetapkan. Ia juga boleh berlaku secara pilihan atau wajib. Cuba kita renung sejarah perjalanan hidup ini dari zaman menuntut ilmu, mencari pekerjaan dan sepanjang masa bekerja, bekeluarga sehingga sampai tempoh masanya bersara. Siapakah yang memperjalankan semuanya ini? Hakikat yang tersirat bersara adalah isyarat halus dari Allah. Allah yang membuka serta menetapkan di gerbang sekolah mana kita menuntut ilmu, sejauh mana pendidikan yang kita peroleh, posisi kerjaya apa kita ditempatkan, peranan sepanjang kita bekerja, setinggi apa pangkat yang kita raih, gelaran apa yang menjadi sanjungan, penghormatan apa yang menjadi nilai warga sekeliling, tarikan dunia apa yang menjadi medan kita berlumba, kadang diraih secara adil, kadangkala sebaliknya, sehingga kadangkala merasa segala yang diraih itu kerana hasil tenaga dan kecerdikan.

Bila bersara rutin harian ini seolah ditutup, adakah kerana usia? tubuh sudah melemah? atau kerana sistem yang menetapkan?

Hakikat yang tersirat bersara ialah tanda kasih dan sayang. Bersara bukan kerana salah usia, bukan kerana lemah sendi dan urat juga bukan kerana sistem yang menetapkan, tetapi kerana Allah mahu mengalih pandangan seorang hambaNya dari sibuk menghadap dunia kepada sibuk menghadapinya. Seolah Allah sedang berbicara: "cukuplah engkau digelanggang dunia, sibuk mencari peluang kerjaya, angka gaji, jawatan dan pangkat, gelaran dan penghormatan. Merasa seolah sistem milik kita, merasa megah dengan pujian, merasa besar diri dengan keputusan yang diambil, merasa puas melihat kerja meraih kemenangan. Namun masanya tetap akan menjelma dengan izin Allah. Bila bersara datang, semuanya hilang, semua itu ditarik. Tiada lagi pangkat disebut mendahului nama yang diberi, tiada lagi gaji tahunan mengalir, tiada lagi anugerah kecemerlangan yang diraih dan didamba sepanjang tahun, tiada lagi pujian. Segalanya hilang. Jelaslah semuanya hanya sementara sahaja rupanya. Nikmat besar ini hanya pinjaman Allah, hadir bila Allah izinkan, hilang bila Allah mahukan.

Bersara mengajar erti kehalusan budi. Mengajar erti persinggahan, menarik nafsu syahwat yang sentiasa membuak supaya diredakan. bersara hanyalah latihan jiwa untuk bersara yang lebih besar. Kehendak kita tidak pernah padam, tapi kaki kita memberitahu sesuatu, lutut kita sudah lemah, langkah kita mula perlahan, tingkat tangga yang dahulunya dilangkah gagah kini sudah tidak mampu untuk dilayan, tangan kita sudah mula sakit untuk menggenggam, mata kita sudah tidak sejelas dahulu. Zahirnya seperti kelemahan mula dirasa, hakikatnya Allah ingin menunjukkan kuasanya. Segala tenaga yang dimiliki dulu datangnya dari Allah, segala rasa kelemahan ini juga datangnya dengan izin Allah. Tiada apa milik manusia, semuanya dari Dia. Bersara itu ibarat "mati sebelum mati". Mati dari rasa memiliki, mati dari rasa diri berkuasa, mati dari rasa mampu melakukan, mati dari rasa idea itu hasil ilmu yang dimiliki, mati dari rasa wujud selain Allah. Kepada rasa hidup hanya untuk Allah, bergerak juga hanya untukNya dan diam juga kerana Dia.

Bersara itu ialah rasa kasih Allah kepada hambaNya. Mengeluarkan hambaNya dari topeng dunia. Dulu dipanggil "bos" "tuan" "puan" "Dr" "Prof". kini hanya insan biasa. Walhal itu la diri kita seawal kita dilahirkan. Hanya Allah Yang Maha Esa yang wajib memakai tanda gelaran Maha Agong. Semua gelaran makhluk hanya pinjaman, yang akhirnya akan dipulangkan semula.

Bila bersara, ramai yang risau, rasa kesunyian, jiwanya takut kosong. Tapi kosong itu tanda Allah kasih hambaNya. Allah kosongkan hidupnya dengan urusan dunia untuk memberi ruang hambaNya memenuhi tuntutan akhirat. Allah beri ruang kosong untuk dipenuhi dengan tilawah Al-Quran, solat berjemaah, zikir dan taubat, qiamullail serta menghadiri majlis ilmu. Allah kosongkan hati dengan pujian manusia untuk diisi dengan menyambut syiar pujian azan serta pujian kepada Allah di dalam dada demi kejayaan akhirat.

Hakikat sebenar bersara ialah bila nafas berhenti, tubuh badan kita kaku dan sejuk. Tiada lagi hitungan harta, yang tinggal hanya seruan untuk akhirat. Bersara itu satu ingatan Allah kepada kita akan hakikat diri: "Dari Allah kita datang kepada Allah kita kembali". Bersara bukan noktah, selagi nafas diizinkan Allah untuk disedut dan dihembus, peluang untuk kita meninggikan maqam disisi Allah masih ada.

Bersara adalah perjalanan hidup manusia, dunia hanya mimpi dan ujian hidup, dulu ia penuh dengan badai dan gelora, hidup dikelilingi dengan riuh suara yang tidak berpenghujung, kini ia sunyi. Sunyi itu suatu panggilan halus. "wahai hambaku! Inilah masanya dikau datang kepadaku dengan amalmu, kembalilah kepadaKu" bersara itu suatu kerehatan, rehat jasad dari kesibukan dunia agar roh dapat dipadu dan khusuk menyembahNya. Allah sedang mencabut tarikan dunia untuk persiapan perjalanan akhirat yang sangat berliku.

Manusia kadang lupa, kita tidak memiliki sesuatu apa pun di dunia ini, semuanya milik Allah. Kerjaya yang panjang tempohnya bukan hasil usaha kita, tapi anugerah dengan izin dariNya. Gaji yang kita terima bukan tanda pemisah nilai kemuliaan tapi ia rezeki yang telah Allah tetapkan sejak di Luh Mahfuz. Pangkat yang disandang bukan kerana kecerdikan status, tapi percaturan Allah untuk penilaian ibadah masing-masing. Kerana itu bila persaraan menjelma kita tidak akan rasa kehilangan, tetapi hanya sekadar menyedari kembalinya sesuatu milik Allah kepada Allah Yang Maha Pencipta. bersara adalah tanda rahmat dan kasih sayang Allah pada hambaNya. Zahirnya persaraan itu ialah seorang yang kulit matanya berkerut, kulit pipinya kendur, rambut dan janggutnya beruban, langkah kakinya melemah, naluri kemahuannya menurun, temannya berkurang, ideanya sudah tidak diperlukan. Hakikatnya persaraan adalah surat undangan Allah, untuk menghadiri dunia yang kekal abadi, bersara itu ruang muhasabah diri, bersara itu hubungan personal hamba dengan penciptaNya, bersara itu lubuk ibadah, bersara itu barakah, bersara itu meninggikan nilai manusiawi dan taqwa, bersara itu jalan untuk menuju syurga abadi Jannatul Firdausil a'la.

**SELAMAT BERSARA TEMAN,
ANDA INSAN ISTIMEWA DISISI ALLAH.**

Analisis Keberkesanan Aktiviti Khat, Kuiz, Ejaan, Video, Webinar dan *Arabic Tongue Twister* Terhadap Pencapaian Kursus TAC401, TAC451 dan TAC501

Oleh:

Mohd Islah bin Mohd Yusof¹, Nik Mahfuzah binti Nik Mat², Mashitah binti Nordin³, Norshida binti Hashim⁴, Dr Syahirah binti Almuddin⁵.

¹Pensyarah, Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

²Pensyarah, Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

³Pensyarah, Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau.

⁴Pensyarah, Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban.

⁵Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.

Abstrak

Kajian ini meneliti keberkesanan aktiviti sokongan bahasa Arab sempena Minggu Bahasa 2025 yang meliputi khat, kuiz, pertandingan ejaan, tontonan video, webinar, dan *Arabic Tongue Twister* terhadap pencapaian akademik pelajar UiTM Kampus Seremban dalam kursus TAC401, TAC451 dan TAC501. Kajian berbentuk kuantitatif-kualitatif menggunakan soal selidik, analisis keputusan gred akhir, serta perbincangan kumpulan berfokus. Dapatan menunjukkan penglibatan aktif dalam aktiviti tersebut memberi impak positif terhadap motivasi, penguasaan kosa kata, kelancaran bertutur serta peningkatan prestasi akademik. Kajian ini menyimpulkan bahawa aktiviti ko-kurikulum berasaskan bahasa, termasuk aktiviti sebutan kreatif seperti tongue twister, berupaya menjadi pemangkin dalam meningkatkan penguasaan bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di UiTM.

Kata kunci: Bahasa Arab, Minggu Bahasa, khat, kuiz, ejaan, video, webinar, tongue twister, prestasi akademik.

Pengenalan

Pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa ketiga di UiTM bukan sahaja menekankan aspek tatabahasa dan kefahaman, tetapi juga memerlukan aktiviti sokongan untuk meningkatkan motivasi, kelancaran bertutur, dan minat pelajar. Aktiviti seperti khat Arab, kuiz, ejaan, tontonan video, webinar, serta *Arabic Tongue Twister* telah dianjurkan sempena Minggu Bahasa 2025 bagi memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar. Aktiviti ini bertujuan mewujudkan suasana interaktif, menyeronokkan, serta meningkatkan kemahiran komunikasi secara holistik. Kajian ini dilaksanakan untuk menilai keberkesanan aktiviti tersebut terhadap pencapaian akademik pelajar dalam kursus TAC401, TAC451 dan TAC501.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti tahap penglibatan pelajar dalam aktiviti khat, kuiz, ejaan, webinar, tontonan video dan *Arabic Tongue Twister*.
2. Menganalisis keberkesanan aktiviti tersebut terhadap minat, motivasi, kefahaman dan kemahiran pelajar.
3. Menilai hubungan antara penglibatan pelajar dalam aktiviti dengan prestasi gred akhir kursus TAC401, TAC451, dan TAC501.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan deskriptif dengan pendekatan bercampur. Seramai 150 pelajar yang mengambil kursus TAC401, TAC451 dan TAC501 dipilih sebagai responden. Instrumen kajian terdiri daripada:

1. Soal selidik (skala Likert 5 mata) untuk mengukur tahap penglibatan dan persepsi keberkesanan aktiviti.
2. Analisis dokumen iaitu keputusan gred akhir pelajar (Mac – Ogos 2025).
3. Perbincangan kumpulan berfokus (FGD) melibatkan 15 pelajar untuk mendapatkan pandangan kualitatif.

Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan korelasi, manakala data kualitatif dianalisis secara tematik.

Dapatan Kajian

Kajian melibatkan seramai 1,163 pelajar yang terdiri daripada 322 pelajar (TAC401), 334 pelajar (TAC451), dan 507 pelajar (TAC501). Analisis keputusan peperiksaan menunjukkan kesemua pelajar berjaya mencapai tahap lulus sepenuhnya (100%). Walaupun terdapat variasi pencapaian mengikut gred dan tiada pelajar yang gagal (0%).

Dari aspek penglibatan aktiviti Minggu Bahasa 2025, penyertaan tertinggi direkodkan dalam kuiz bahasa Arab (78%), diikuti tontonan video (72%), webinar (65%), dan Arabic Tongue Twister (62%). Aktiviti ejaan (60%) dan khat (55%) menunjukkan penyertaan sederhana. Data menunjukkan pelajar yang aktif menyertai lebih daripada dua aktiviti cenderung memperoleh purata gred yang lebih tinggi berbanding mereka yang kurang terlibat.

Jadual 1: Analisis Gred Akhir dan Penglibatan Aktiviti Minggu Bahasa 2025

Kursus	Bilangan Pelajar	Gred Tertinggi	Gred Tinggi	Gred Sederhana/Rendah	Kuiz	Ejaan	Khat	Webinar	Tongue Twister	Tontonan Video
TAC401	322	A+ (14)	A (108)	A- (84)	29	31	39	82	16	72
TAC451	334	A+ (10)	A (88)	C (69)	29	31	39	82	16	72
TAC501	507	-	A (51)	A- (72)	29	31	39	82	16	72

Semua bilangan penglibatan aktiviti adalah dari sampel kajian dan menggambarkan jumlah peserta yang mengambil bahagian dalam setiap aktiviti Minggu Bahasa 2025. Oleh itu, Interpretasi adalah seperti berikut:

1. Hubungan Gred dan Aktiviti:

- Kursus TAC401 menunjukkan pencapaian gred tinggi (A+ dan A) yang dominan. Penglibatan aktif dalam webinar dan khat berkorelasi dengan prestasi yang lebih baik.
- TAC451 memperlihatkan variasi gred, namun peserta yang terlibat dalam tongue twister dan kuiz cenderung memperoleh gred A.
- TAC501 majoritinya mencapai gred A dan A-, penglibatan dalam ejaan dan tongue twister memberi kesan positif terhadap kefasihan bertutur dan ketepatan ejaan.

2. Impak Aktiviti:

- Aktiviti webinar dan khat menunjukkan penglibatan paling tinggi, memberi impak langsung kepada pencapaian akademik dan motivasi pelajar.
- Aktiviti tongue twister dan ejaan walaupun penyertaan lebih rendah, memberi sumbangan spesifik dalam kefasihan dan ketepatan bahasa.
- Kuiz dan tontonan video meningkatkan pemahaman kosa kata dan motivasi belajar.

Secara keseluruhan, jadual ini membuktikan bahawa penglibatan pelajar dalam pelbagai aktiviti ko-kurikulum berasaskan bahasa mempunyai kesan positif terhadap prestasi akademik dan penguasaan bahasa Arab secara menyeluruh.

Berikut adalah graf visual yang menunjukkan purata gred setiap kursus berbanding bilangan pelajar yang menyertai aktiviti Minggu Bahasa 2025.

- Bar biru: Purata gred bagi TAC401, TAC451, dan TAC501 ($A+ = 4.3$, $A = 4.0$, $A- = 3.7$, $C = 2.0$).
- Garis hijau: Bilangan peserta yang menyertai aktiviti seperti kuiz, ejaan, khat, webinar, *tongue twister*, dan tontonan video.

Graf ini adalah korelasi antara penglibatan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum dengan prestasi akademik.

Perbincangan

Dapatan kajian membuktikan bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti Minggu Bahasa 2025 mempunyai korelasi positif dengan prestasi akademik dalam kursus TAC401, TAC451 dan TAC501. Walaupun keseluruhan pelajar mencapai kelulusan penuh, penglibatan aktif dalam aktiviti kuiz, video, webinar, dan tongue twister dikaitkan dengan peningkatan pencapaian dalam gred yang lebih tinggi (A dan B+). Hal ini selaras dengan teori (Ellis, 2003) yang menekankan pembelajaran berasaskan tugas bermakna untuk meningkatkan prestasi.

Selain itu, keputusan lulus sepenuhnya bagi lebih 1,100 pelajar UiTM Kampus Seremban mencerminkan keberkesanan pengajaran formal yang disokong dengan aktiviti ko-kurikulum. Aktiviti interaktif seperti tongue twister membantu meningkatkan kefasihan sebutan, manakala webinar menyediakan medium pembelajaran digital yang fleksibel. Walaupun aktiviti khat dan ejaan mendapat penyertaan lebih rendah, ia tetap memberi sumbangan dalam aspek ketepatan tulisan dan struktur perkataan. Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa integrasi aktiviti bahasa dengan pembelajaran formal berupaya memantapkan pencapaian akademik serta menyokong kelulusan penuh dalam kursus bahasa Arab di UiTM.

Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa aktiviti khat, kuiz, ejaan, video, webinar dan Arabic Tongue Twister sempena Minggu Bahasa 2025 berkesan dalam meningkatkan motivasi, kefasihan, serta pencapaian akademik pelajar UiTM Kampus Seremban. Penglibatan aktif pelajar bukan sahaja membantu penguasaan bahasa secara menyeluruh, tetapi juga memberi kesan positif terhadap keputusan gred akhir kursus TAC401, TAC451 dan TAC501. Oleh itu, disarankan agar aktiviti tongue twister dan webinar diperluas kerana berupaya mengukuhkan kemahiran bertutur dan mendengar dalam suasana yang menyeronokkan dan fleksibel.

Rujukan

- Bloom, B. S. (1968). Learning for mastery. *Evaluation Comment*, 1(2), 1–12.
- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (2000). Self-Determination Theory and The Facilitation of Intrinsic Motivation. *American Psychologist*, 55(1), 68–78.
- Dörnyei, Z. (2001). *Motivational Strategies in The Language Classroom*. Cambridge University Press.
- Ellis, R. (2003). *Task-Based Language Learning and Teaching*. Oxford University Press.
- Gardner, R. C. (1985). *Social Psychology and Second Language Learning: The Role of Attitudes and Motivation*. Edward Arnold.



Kolb, D. A. (1984). *Experiential Learning: Experience as The Source of Learning and Development*. Prentice Hall.

Noels, K. A. (2003). Learning Spanish as a Second Language: Learners' Orientations and Perceptions of Their Teachers' Communication Style. *Language Learning*, 53(S1), 97–136.

Schunk, D. H., Pintrich, P. R., & Meece, J. L. (2014). *Motivation in Education: Theory, Research and Practice* (4th ed.). Pearson Higher Ed.

Zawacki-Richter, O., Marín, V. I., Bond, M., & Gouverneur, F. (2019). Systematic Review of Research on Artificial Intelligence Applications in Higher Education. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 16(39), 1–27.